

**PROGRAM KPS #RIDEHOMESAFE 2022**  
**PERTANDINGAN VIDEO PENDEK KESELAMATAN JALAN RAYA**

**TERMA DAN SYARAT**

1. **Program KPS #RideHomeSafe 2022 – Pertandingan Video Pendek Keselamatan Jalan Raya** adalah pertandingan peringkat kebangsaan untuk sekolah – sekolah Menengah di Malaysia yang dianjurkan oleh Kumpulan Perangsang Selangor Berhad.
2. Penyertaan pertandingan akan dibuka pada **1 Jun 2022, 12:00AM** dan tarikh tutup penyertaan adalah pada **30 Jun 2022, 11:59PM**. Kesemua penyertaan yang dihantar selepas pukul 11:59PM pada 30 Jun 2022, mengalami masalah atau gangguan teknikal seperti video tidak boleh dimainkan, informasi tidak lengkap akan dikira sebagai tidak sah.
3. Tema pertandingan ini ialah **“Program KPS #RideHomeSafe – Pertandingan Video Pendek Keselamatan Jalan Raya”**.
4. Pihak penganjur berhak untuk memanjangkan atau memendekkan tempoh pertandingan pada bila – bila masa sahaja tanpa sebarang pemberitahuan awal kepada mana – mana pihak. Sebarang penyertaan pada tempoh tersebut akan tertakluk kepada Terma dan Syarat yang telah dinyatakan di dalam dokumen ini.
5. Pihak penganjur berhak untuk menukar mekanisme pertandingan, menarik diri atau membatalkan pertandingan ini pada bila – bila masa, mengikut budi bicara mutlak tanpa sebarang pemberitahuan awal kepada mana – mana pihak.

**KELAYAKAN**

1. Pertandingan ini terbuka kepada warganegara Malaysia yang masih bersekolah di Sekolah Menengah awam, MRSM mahupun swasta, berumur dalam lingkungan 16 hingga 18 tahun dan **HARUS menetap di Malaysia** sahaja.
2. Penyertaan dibuat secara berkumpulan. Untuk penyertaan secara berkumpulan, **hanya ahli – ahli kumpulan dari sekolah yang sama sahaja dibenarkan** dan layak untuk menyertai pertandingan ini.

**SYARAT PENYERTAAN**

1. Setiap video penyertaan **TIDAK MELEBIHI** dari 5 minit.
2. Setiap peserta **MESTI** melengkapkan butir diri dan video penyertaan seperti berikut:
  - a. Nama Kumpulan
  - b. Gambar Kumpulan

- c. Nama Penuh Ahli
  - d. Alamat Emel
  - e. Nombor Telefon Bimbit
  - f. Sinopsis Video
  - g. Pautan video yang telah dimuat naik di Instagram atau YouTube
3. Penyertaan yang tidak lengkap akan dibatalkan secara automatik.
  4. Setiap pendaftaran yang dihantar adalah tertakluk kepada **SATU penyertaan sahaja**. Sekiranya pendaftaran secara berkumpulan, **SATU** penyertaan yang perlu dihantar dan kesemua butir diri ahli – ahli kumpulan yang lain **MESTI** dilengkapkan di dalam penyertaan tersebut.
  5. Elemen penyertaan video adalah bebas (berunsur lawak jenaka, nasihat, drama atau menyayat hati) dan **MESTI** mengikut tema yang telah dinyatakan.
  6. Hasil video penyertaan mestilah bersesuaian dan **TIDAK** memaparkan isu sensitif ataupun kontroversi dari segi budaya, kaum, agama, politik dan isu – isu perundangan.
  7. Bahasa pengantar atau dialog video penyertaan adalah dalam Bahasa Malaysia ataupun Bahasa Inggeris dan mesti dilengkapi dengan sari kata.
  8. Dengan menghantar video penyertaan ini, peserta – peserta telah mengesahkan bahawa mereka adalah pemilik sah, mempunyai hak harta intelek untuk menghantar bahan tersebut, menjamin bahawa mereka telah memperoleh hak dalam memasukkan bahan berhak cipta seperti grafik, trek suara, audio, muzik, gambar dan klip video dalam video penyertaan. Setiap penyertaan dan mana – mana bahagiannya tidak boleh melanggar undang – undang atau hak pihak ketiga “third party rights”.
  9. Pihak penganjur berhak untuk membatalkan penyertaan yang tidak mematuhi syarat – syarat dan tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang liabiliti yang telah dihasilkan oleh peserta.
  10. Penyertaan video tidak boleh dihantar ke pertandingan/festival filem yang lain.
  11. Penyertaan tidak boleh mengandungi atau merujuk nama, produk atau perkhidmatan mana – mana syarikat atau entity atau tanda dagangan, logo, pakaian perdagangan atau promosi jenama, produk atau perkhidmatan pihak ketiga (selain daripada Penganjur).
  12. Penyertaan yang tidak senonoh, cabul, seksual, pronografi, meremehkan, memfitnah, menyalahi undang – undang, menyinggung perasaan atau sebaliknya mengandungi kandungan yang tidak sesuai atau bahan yang tidak menyenangkan tidak boleh dihantar dan Penganjur berhak untuk membuang atau menuntut Peserta yang layak untuk buang entri tersebut pada bila – bila masa mengikut budi bicara Penganjur.

13. Dengan mengirimkan penyertaan video, produser dan pemilik video tersebut akan memberikan hak eksklusif hak cipta kepada Penganjur untuk menggunakan penyertaan tersebut untuk tujuan promosi atau komersial.
14. Segala kos dan perbelanjaan berkaitan dengan pembikinan video penyertaan akan ditanggung sepenuhnya oleh peserta sendiri.
15. Penyertaan video akan dinilai berdasarkan kriteria – kriteria berikut:
  - a. Keaslian dan ketulenan video
  - b. Isi kandungan video
  - c. Kreativiti
  - d. Kualiti Produksi Video
16. Segala keputusan pihak juri adalah muktamad dan sebarang rayuan atau pertanyaan selepas penjurian tidak akan dipertimbangkan.

### **FORMAT VIDEO PENYERTAAN DAN MEKANIK PERTANDINGAN**

1. Setiap video **MESTI** merangkumi perkara – perkara berikut:
  - a. Tajuk video yang bersesuaian
  - b. Sinopsis video
  - c. Format video adalah sekurang – kurangnya dalam salah satu format video berikut:
    - MPEG4, 3GPP dan MOV
    - WebM
    - FLV
    - AVI
    - MPEGS
    - WMV
  - d. Resolusi minimum video yang disyorkan adalah video HD 720p (1280 x 720-pixel resolution). Kualiti video haruslah jelas di skrin komputer penuh.
  - e. Kualiti audio mesti jelas. Audio latar belakang atau naratif dibenarkan.
2. Mekanik pertandingan secara terperinci adalah seperti berikut:
  - i. **1 Jun – 30 Jun 2022:** Pendaftaran kumpulan beserta sinopsis video
  - ii. **16 Julai 2022:** Bengkel Pertandingan Video Pendek Keselamatan Jalan Raya KPS #RideHomeSafe
  - iii. **16 Julai – 31 Ogos 2022 (6 minggu):** Projek Implementasi (penghasilan video pendek yang berdurasi tidak melebihi 5 minit)
  - iv. **12 September – 19 September 2022:** Penjurian dan menyenarai pendek video penyertaan

- v. **29 September 2022:** Penganugerahan dan pengumuman pemenang Peringkat Kebangsaan

### **CARA – CARA PENYERTAAN**

1. Peserta yang berminat untuk menyertai pertandingan ini perlu untuk:
  - i. Menghasilkan video pendek mesej keselamatan jalan raya yang **berdurasi tidak lebih daripada 5 minit**;
  - ii. Memuat naik video tersebut di media sosial sama ada di Instagram atau YouTube dan sertakan hashtag **#KPSRHS2022**
  - iii. Mendaftarkan diri berkumpulan, memuat naik gambar kumpulan dan sertakan pautan video tersebut beserta sinopsis menerusi borang pendaftaran pertandingan di laman web KPS **#RideHomeSafe**
2. Pendaftaran penyertaan **dibuka pada 1 Jun 2022** dan akan **ditutup pada 30 Jun 2022**.
3. Kesemua video penyertaan mestilah memenuhi syarat – syarat penyertaan seperti yang telah dinyatakan di Terma dan Syarat ini.

### **HADIAH**

1. Pemenang pertandingan video ini bakal memenangi:
  - i. **Tempat Pertama:** Wang Tunai RM1,000.00, Trofi dan Sijil Pencapaian Peringkat Kebangsaan
  - ii. **Tempat Kedua:** Wang Tunai RM700.00, Trofi dan Sijil Pencapaian Peringkat Kebangsaan
  - iii. **Tempat Ketiga:** Wang Tunai RM500.00, Trofi dan Sijil Pencapaian Peringkat Kebangsaan
  - iv. **Hadiah Saguhati (Tempat Keempat – Kesepuluh):** Wang Tunai RM300.00 dan Sijil Pencapaian Peringkat Kebangsaan
2. Pihak penganjur berhak untuk menggantikan mana – mana hadiah dengan hadiah alternatif dengan nilai yang sama, pada bila – bila masa tanpa sebarang notis pemberitahuan. Semua hadiah yang diberikan adalah berdasarkan dengan “apa seadanya” dan tidak boleh ditukarkan atau dijual dengan wang tunai, kredit, item lain atau baucar sebahagian atau keseluruhan dan tidak boleh dipindah milik kepada orang lain.

### **SYARAT KELAYAKAN PEMENANG**

1. Setiap peserta **MESTILAH** memenuhi kesemua syarat – syarat yang telah dinyatakan di dalam klausa terma dan syarat untuk layak memenangi hadiah – hadiah yang ditawarkan.

2. Sebarang penyertaan yang tidak lengkap dan/atau gagal untuk melengkapkan penyertaan atau tidak memenuhi syarat – syarat lain yang telah dinyatakan di dalam Terma dan Syarat ini, secara automatiknya hilang kelayakan sebagai peserta pertandingan yang sah tanpa sebarang pemberitahuan.
3. Finalis 10 video terbaik yang dipilih oleh pihak juri adalah keputusan muktamad. Segala keputusan yang dibuat adalah muktamad.
4. Peserta – peserta boleh menghantar lebih daripada satu penyertaan tetapi hanya SATU hadiah sahaja yang akan diberikan untuk kumpulan tersebut.

### **PENGUMUMAN PEMENANG PERTANDINGAN**

1. Pemenang – pemenang akan dimaklumkan menerusi emel, telefon dan menerusi laman web rasmi KPS #RideHomeSafe.
2. Pengumuman akan dibuat pada tarikh berikut:
  - i. **29 SEPTEMBER 2022:** Pengumuman Pemenang TOP 10 KPS #RideHomeSafe – Pertandingan Video Pendek Mesej Keselamatan Jalan Raya
3. Penganjur berhak untuk menetapkan atau menukar tempat dan masa pengumuman tanpa sebarang notis pemberitahuan.
4. Kesemua keputusan yang dibuat adalah muktamad. Sebarang rayuan dan persoalan tidak akan dipertimbangkan.
5. Penyertaan secara berkumpulan yang memenangi pertandingan ini, hadiah wang tunai akan diberikan kepada wakil utama kumpulan tersebut dan adalah menjadi tanggungjawab wakil tersebut untuk mengagihkan hadiah di kalangan ahli – ahli kumpulan.
6. Pemenang bertanggungjawab sepenuhnya ke atas sebarang kecederaan, kerosakan atau tuntutan akibat atau timbul daripada penyertaan mereka dalam Pertandingan, penggunaan hadiah mereka dan/atau koleksi hadiah mereka. Segala pengangkutan, penginapan, kos peribadi dan/atau apa – apa kos lain dan/atau perbelanjaan lain yang berkaitan yang berlaku untuk menyertai Pertandingan dan/atau menebus hadiah adalah tanggungjawab sepenuhnya Peserta tersebut.

## **SYARAT – SYARAT AM**

1. Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian yang berkaitan dengan Pertandingan, termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut:
  - a. Segala masalah, kehilangan atau kerosakan apa pun yang dialami oleh mana – mana pihak kerana adanya kelewatan dan/atau kegagalan dalam menerima dan mengirim entri sebagai akibat dari sebarang kesalahan rangkaian, komunikasi atau system, gangguan dan/atau pengalaman kegagalan oleh talian internet yang mengambil bahagian dan/atau hasil daripada penyertaan atau memuat turun sebarang bahan dalam Pertandingan. Sekiranya berlaku kesalahan, gangguan dan/atau kegagalan, Penganjur tidak akan bertanggungjawab ke atas kegagalan oleh mana – mana Peserta yang layak untuk menyertai Pertandingan ini pada bila – bila masa.
  - b. Segala masalah, perbelanjaan, kerosakan, kerugian dan tuntutan apa pun terhadap Peserta layak yang mungkin timbul dari atau berkaitan dengan penyertaan mereka dalam pertandingan dan/atau paparan penyertaan Peserta yang layak.
  - c. Sebarang kesilapan (termasuk kesalahan dalam pemberitahuan pemenang Pertandingan), gangguan, kecacatan, kelewatan operasi atau penghantaran, kegagalan talian internet, pencurian, pemusnahan, atau akses yang tidak dibenarkan ke entri, kerosakan PC sama ada diketahui atau tidak semasa operasi atau penghantaran sebagai akibat daripada fungsi server internet, virus, bug atau sebab lain di luar kawalannya.
  - d. Dengan memasuki Pertandingan, Peserta yang layak secara automatik telah bersetuju untuk tampil di internet, video, gambar, tulisan yang boleh digunakan dalam iklan (sebarang bentuk media sekalipun) atau bahan lain oleh Penganjur. Peserta yang layak tidak berhak mendapat pembayaran untuk penggunaan tersebut, atau untuk penggunaan semula; dan mengakui bahawa semua hak cipta, termasuk hak untuk menghasilkan semula kesamaan atau gambar adalah milik Penganjur sepenuhnya; dan untuk melepaskan Penganjur dari sebarang tuntutan yang berkaitan dengan penggunaan gambar atau gambar Penganjur.
2. Pihak penganjur mempunyai hak mutlak untuk membatalkan mana – mana individu jika ia akan mengganggu proses penyertaan atau operasi Pertandingan, bertindak melanggar atau berpotensi melanggar Terma dan Syarat Pertandingan ini.
3. Penganjur berhak untuk membatalkan, mengubah suai, menggantung atau menangguhkan Pertandingan sekiranya berlaku keadaan yang tidak diduga di luar kawalan yang munasabah.

4. Dengan menyertai Pertandingan ini, semua Peserta yang layak dengan ini menjamin bahawa semua kenyataan butir – butir peribadi yang diberikan adalah benar, betul, tepat, lengkap dan bahawa mereka telah membaca dan memahami semua Terma dan Syarat Pertandingan ini dan bersetuju untuk terikat dengan tanpa syarat.
5. Pihak penganjur berhak untuk mengubah, menghapus atau menambah mana – mana Terma dan Syarat ini tanpa pemberitahuan terlebih dahulu dan Peserta yang layak akan terikat dengan perubahan tersebut.
6. Dengan memberikan data peribadi anda, Peserta dianggap telah membaca dan memahami Notis di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 yang boleh didapati di laman web kami [https://kps.com.my/images/pdf/PDPA\\_NOTICE.pdf](https://kps.com.my/images/pdf/PDPA_NOTICE.pdf) dan Peserta juga bersetuju dan menyetujui bahawa data peribadi mereka menjadi digunakan untuk tujuan seperti yang dinyatakan dalam notis.